

Wadah Pembaharuan

# BH

## BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

### MANA BOLA?

MENANGI RM 1,000 & TELEFON PINTAR SETIAP MINGGU

DAPATKAN AKHBAR BERITA HARIAN BERMULA 30 SEPTEMBER 2019

Khamis, 26 September 2019  
26 Muharam 1441H  
Tel: 1 300 22 6787  
PP 414/10/2012(030686)

**Gugur 38 program akademik UA**  
**Dua kursus baharu wajib di universiti awam**  
**Muka 5**



**Perbicaraan 1MDB**  
**Najib, Jho Low ada hubungan simbiotik**  
**Muka 8, 9**

## Tun M kritik PBB, Myanmar gagal selesai isu Rohingya

Muka 2



(Foto BERNAMA)

# Elak belanjawan populis

Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada 11 Oktober ini, diharap tidak bersifat populis, sebaliknya belanjawan yang manfaatnya dinikmati semua pihak.



Tumpuan untuk tangani isu dihadapi setiap lapisan masyarakat, belia, petani, pesawah, pekerja, usahawan supaya semua dapat menikmati kemakmuran ekonomi dicanangkan.

BICARA



Menjelang Belanjawan 2020 Muka 14, 15



BICARA BH

## DIJAMIN TIDAK MENGANDUNGI AGEN ANTIKERUH!

MINYAK SAWIT SEMULAJADI MENERUH PADA SUHU RENDAH.

TIADA AGEN ANTIKERUH ATAU BAHAN PENGAWET.

KEKAL BERKUALITI.



**Seri Murni**  
Sungguh Suci, Sungguh Murni



## Nasional

Belanjawan 2020

# Fokus selesai isu rakyat

### Ketepi propaganda harga barang meningkat jika gaji naik

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu keluar daripada kepompong pemikiran yang menganggap harga barang akan naik secara automatik apabila gaji pekerja meningkat.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), J Solomon, berkata dalam merangka Belanjawan 2020, kerajaan tidak boleh terikat dengan pemikiran berbentuk propaganda itu supaya inisiatif yang memberi impak langsung pada pendapatan pekerja dapat dilaksanakan.

Katanya, dalam keadaan kos sara hidup tinggi ketika ini, gaji dan upah diterima pekerja tidak memadai untuk menampung perbelanjaan harian.

"Kerajaan lalu atau sekarang selalu mengatakan jika gaji dinaikkan, harga barang akan naik secara automatik.

"Sudah tiba masanya untuk kerajaan keluar daripada pemikiran lama ini. Ini propaganda yang tidak membawa manfaat kepada warga pekerja," katanya pada program Bicara BH bertajuk Belanjawan 2020: Apa Tuntutan Ekonomi, Apa Kehendak Rakyat yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Berita Harian Online, semalam.

Program itu turut menampilkan Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman sebagai ahli panel.

Mengulas lanjut, Solomon berkata, pendedahan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Philip Alston, baru-baru ini bahawa kadar kemiskinan negara ketika ini tidak tepat, perlu diambil kira dalam menentukan semula kadar gaji minimum di Malaysia.

"Dalam menentukan kadar gaji minimum, kadar Garis Pendapatan Kemiskinan (PLI) turut diambil kira sebagai faktor utama.

"Ini bermakna sejak sekian lama pekerja ditipu (dalam penetapan gaji minimum). Kami harap dalam Belanjawan 2020, kerajaan akan memperbetulkan perkara ini," katanya, yang turut mencadangkan kerajaan memperkenalkan pemberian elaun kos sara hidup (COLA) bulanan RM500 kepada pekerja swasta serta had usia bersara dinaikkan kepada 65 tahun.

Sementara itu, Ahmad Yazid mencadangkan supaya kerajaan merangka satu dasar yang 'memaksa' golongan korporat berkongsi lebih pendapatan dengan pekerja bawahan.

### Belanjawan diharap tidak bersifat populis, mampu beri manfaat pada semua pihak

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Belanjawan 2020 yang bakal dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Oktober depan, diharap tidak bersifat populis, sebaliknya menjadi belanjawan yang manfaatnya dapat dinikmati semua pihak.

Belanjawan yang kali kedua dibentangkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) itu juga perlu menggambarkan wawasan Kemakmuran Bersama dengan memastikan segala peruntukan dapat dinikmati semua rakyat.

Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata belanjawan kali ini perlu menumpukan usaha menangani setiap isu dihadapi pelbagai lapisan masyarakat, sama ada golongan belia, petani, pesawah, pekerja, usahawan dan sebagainya.

Beliau menyarankan tumpuan perlu diberikan dalam membantu rakyat supaya mereka dapat menikmati kemakmuran ekonomi yang kerap dicanangkan.



Dari kiri, Ahmad Yazid, Solomon, Ahmed Razman dan Sabaruddin (moderator) pada program Bicara Belanjawan 2020 anjuran BH di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Zunnur Al Shafiq/BH)

"Harapan saya untuk Belanjawan 2020 adalah jangan ia menjadi belanjawan populis, bersifat mega dengan projek besar yang rakyat kebanyakan tidak dapat menikmatinya.

"Kita harap belanjawan kali ini benar-benar menumpukan kepada setiap isu yang dihadapi rakyat," katanya yang menjadi ahli panel Bicara BH bertajuk Belanjawan 2020: Apa Tuntutan Ekonomi, Apa Kehendak Rakyat disiarkan menerusi Facebook Berita Harian Online, semalam.

Ahli panel lain termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman dan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), J Solomon. Sabaruddin Ahmad Sabri bertindak sebagai moderator.

Ahmed Razman berkata, kerajaan juga perlu memberi penekanan dalam memantapkan pendidikan di negara ini merentasi semua peringkat bagi melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan pada masa sama dapat meningkatkan produktiviti negara.

Beliau berkata, sudah tiba masanya untuk Malaysia melahirkan modal insan yang mampu menerokai industri masa depan dengan kemampuan mencipta teknologi sendiri yang lebih berdaya saing.

Sementara itu, Ahmad Yazid berkata, adalah diharapkan Belanjawan 2020 akan memberi gambaran mengenai pelaksanaan perkongsian kemakmuran yang dicanangkan kerajaan.

Beliau berharap dapat melihat bagaimana kerajaan mampu mengurangkan jurang pendapatan antara kaum, luar bandar dan bandar, memberi gaji dan makan

gaji serta CEO (Ketua Pegawai Eksekutif) dan pekerja bawahan. Sementara itu, Solomon berharap sebarang inisiatif dalam Belanjawan 2020 perlu menyelesaikan isu kos sara hidup dihadapi golongan buruh, sama ada bersifat jangka pendek atau panjang.

Katanya, belanjawan itu juga tidak boleh menunjukkan kerajaan 'terlalu sayang pada pihak majikan' dan meminggirkan pekerja dengan benar-benar menaja pekerja B40 dan M40, selain menyelesaikan isu jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin yang ketara.

"Contohnya, mungkin kerajaan boleh kecualikan bayaran tol kepada B40 dan M40 yang boleh dikenal pasti menerusi MyKad, dan meningkatkan bayaran tol kepada golongan berkemampuan," katanya.

## Pastikan pemerolehan kerajaan tak ketepi kontraktor Bumiputera

**Kuala Lumpur:** Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) berharap kerajaan memberi perhatian serius, terhadap jumlah dan cara pemerolehan kerajaan digahikan kepada Bumiputera dalam Belanjawan 2020.

Ia bagi memastikan pembangunan ekonomi komuniti ini tidak terpinggir.

Selain itu, turut ditekankan adalah kualiti kerja yang diberikan golongan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Yazid Othman, berkata sebenarnya syarikat Bumiputera masih bergantung kepada kontrak kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), kerana ia adalah platform untuk membangunkan ekonomi komuniti berkenaan.

Beliau berkata, penguasaan

Bumiputera dalam rantaian bekalan di negara ini masih terhad, dengan kira-kira 60 peratus penguasaan rantaian nilai dalam pasaran tempatan dikuasai komuniti bukan Bumiputera.

Justeru, katanya, keadaan itu memberi tekanan dan ruang yang terhad kepada syarikat Bumiputera, untuk bersaing secara sihat dalam pasaran.

"Kami mendapat banyak maklum balas bahawa projek terdahulu yang dijalankan secara meritokrasi antara Bumiputera telah dibuka kepada semua.

"Jadi, kerajaan kena berhati-hati kerana komuniti kontraktor Bumiputera masih bergantung kepada projek kerajaan.

"Apabila kerajaan mengurangkan pemerolehan, kesannya cukup luar biasa kepada Bumiputera," katanya yang menjadi ahli panel Bicara Belanjawan 2020: 'Apa Tuntutan Ekonomi, Apa Kehendak Rakyat' yang dianjurkan BH di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengenai harapan komuniti Bumiputera, dalam Belanjawan 2020

**Kerajaan kena berhati-hati kerana kontraktor Bumiputera masih bergantung kepada projek kerajaan.**

Ahmad Yazid Othman, Ketua Pegawai Eksekutif MTEM

yang akan dibentangkan di Parlimen pada 11 Oktober ini.

Selain itu, Ahmad Yazid berharap kerajaan tidak terlepas pandang atau bersikap mengambil mudah dalam Belanjawan 2020, untuk membantu golongan pesawah dan nelayan memandang majoriti golongan itu adalah Bumiputera.

Beliau juga berharap kerajaan tidak mengurangkan belanjawan membabitkan bantuan dalam meningkatkan pendidikan golongan Bumiputera, yang mana dalam Belanjawan 2019 kerajaan mengurangkan biasiswa MARA.

"Saya harap kesilapan ini (mengurangkan biasiswa MARA) tidak berulang. Bagi saya, biasiswa atau isu pendidikan tidak patut dikurangkan, malah ia patut ditingkatkan," katanya.

Belanjawan 2020

# Syor beli rumah mampu milik tak guna bank

Musyarakah Mutanaqisah bantu B40, M40 miliki kediaman

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dicadangkan memperkenalkan skim pembiayaan rumah mampu milik tanpa melalui bank, kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan pertengahan (M40) dalam Belanjawan 2020.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pembiayaan dikenali sebagai Musyarakah Mutanaqisah itu memudahkan golongan B40 dan M40, membeli rumah mampu milik kerana ia tidak membabitkan faedah atau riba.

"Ketika ini, jika nak beli rumah mampu milik berharga RM200,000, kos pembiayaan yang dikenakan mungkin sekitar RM200,000 juga, menyebabkan jumlah pinjaman perlu dibayar pe-



J Solomon

minjam adalah RM400,000. "Kerajaan boleh melaksanakan pembiayaan menggunakan sistem Musyarakah Mutanaqisah, iaitu rakyat beli (pada harga) 10 peratus dulu, kemudian bayar sewa sedikit demi sedikit (yang berakhir dengan pemilikan rumah), tanpa membabitkan faedah.

"Jika inisiatif rumah mampu milik diteruskan dalam Belanjawan 2020, pembiayaannya perlu menggunakan konsep ini tanpa membabitkan bank," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Bicara BH bertajuk 'Belanjawan 2020: Apa Tuntutan Ekonomi, Apa Kehendak Rakyat' yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Berita



Ahmed Razman Abdul Latiff

Harian Online, semalam.

Program itu turut menampilkan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), J Solomon dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman sebagai ahli panel.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, penggunaan kaedah itu penting bagi membantu M40 dan B40 memiliki rumah, kerana faedah atau riba adalah antara kos yang menyebabkan rakyat tidak mampu membeli rumah.

"Inisiatif pemaju selama ini untuk membolehkan rakyat 'mampu miliki rumah' pula hanya menguntungkan mereka,

bank dan spekulator, tidak menguntungkan pemilik rumah," katanya.

Sementara itu, Solomon mencadangkan supaya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meminjamkan sejumlah danya kepada bank, supaya dapat menyediakan pinjaman perumahan dengan faedah serendah satu hingga dua peratus kepada pen-

carum B40 dan M40. "Ini dana pekerja dan sewajarnya ia digunakan untuk kepentingan mereka, di samping pemaju dan bank melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) membantu mereka memiliki rumah," katanya.

Ahmad Yazid pula menggesa kerajaan fokus membina satu juta rumah mampu milik dalam Belanjawan 2020, dengan memastikan pemaju adalah dalam kalangan kontraktor tempatan, khususnya Bumiputera.

"Pembinaan sejuta rumah mampu milik sebegini bukan saja membantu rakyat memiliki rumah, tapi juga menghasilkan lonjakan ekonomi kerana ia akan menghasilkan banyak subkontraktor yang mendapat hasil daripada projek berskala besar ini," katanya.

## Perkenal GST jika wujud keperluan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu bersikap 'berani kerana benar' jika mendapati pengenalan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilihat sebagai penyelesaian terbaik dalam merancang dan menguruskan kewangan negara bagi menjamin kemakmuran bersama.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman, berkata kalau wujud keperluan memperkenalkan semula cukai itu, tidak salah untuk melaksanakannya dan mengetepikan alasan politik.

Beliau berkata, berdasarkan data, tidak dapat dinafikan bahawa sistem GST adalah paling popular diguna pakai di dunia kerana ia lebih mudah dan membantu kerajaan mempunyai pendapatan yang cukup untuk berbelanja.

Jadi, katanya, jika kerajaan ingin memperkenalkan semula GST, itu adalah hak kerajaan.

"Kalau dasarnya kerana manifesto, saya rasa tidak perlu ikut

kerana ada banyak (janji) manifesto yang belum ditunaikan.

"Kerajaan boleh mengambil masa untuk memilih mana satu kena buat dan mana satu keutamaan, kerana itu adalah hak kerajaan memikirkan mana satu terbaik untuk rakyat.

"Kalau ia penyelesaian terbaik, buatlah. Saya yakin rakyat yang cakna dan matang, mereka akan melihat ia sesuatu yang positif. Ketepikan *political damage*, paling penting impak kepada ekonomi," katanya pada Bicara Belanjawan 2020: Apa Tuntutan Ekonomi, Apa Kehendak Rakyat yang dianjurkan BH di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas soalan diutarakan pelayar Facebook BH yang menyiarkan program itu secara langsung, AbangMat Kie bahawa adakah perlu kerajaan memperkenalkan semula GST kerana Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mengurangkan pendapatan negara menyebabkan kerajaan sering me-



Ahmad Yazid Othman

ngeluh kekurangan duit untuk membantu rakyat.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff mengakui sumbangan GST kepada pendapatan negara ketara.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan, GST menyumbang kira-kira RM44 bilion kepada pendapatan negara pada 2017, sementara SST pula menyumbang kira-kira RM22 bilion, yang mana kerajaan berdepan kekurangan pendapatan kira-kira RM22 bilion

berikutan peralihan kepada SST.

Namun, katanya, adalah perlu diingatkan, kerajaan semasa menghapuskan GST adalah bagi memenuhi janji Manifesto Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14.

"Sebenarnya GST ini digunakan kebanyakan negara di dunia kerana ia cukai cekap. Jika ada bertanya kenapa tidak kembali semula kepada GST dengan peratusan lebih rendah, mungkin dapat mengembalikan semula pendapatan? Itu terpulang kepada kerajaan untuk tidak memenuhi janji manifesto mereka.

"Bagi saya, kalau perbelanjaan dapat dikawal, mungkin tidak perlu kenakan cukai," katanya.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), J Solomon, menegaskan sekiranya kerajaan mahu memperkenalkan semula GST, mereka perlu menutup kebocoran seperti rasuah bagi meyakinkan rakyat.

Beliau yakin jika kerajaan berjaya menutup semua kebocoran, mungkin kerajaan tidak perlu kan GST.

BUAL BICARA BH

Belanjawan 2020: Apa Tuntutan Ekonomi, Apa Kehendak Rakyat

**Karuna Ananth**  
Rakyat ubah Kerajaan dengan harapan wakil2 Kerajaan ini



akan lebih mendekati Rakyat, mansuhkan birokrasi serta polisi polisi yg korup dan tidak membawa manfaat kepada Rakyat. Kita mahukan kehidupan yg berkualiti. Maksud kualiti adalah:

1. Sekuriti Pekerjaan dengan pendapatan mampu hidup
  2. Pendidikan berteraskan Bahasa Inggeris dengan skill yang mampan dan tanpa beban hutang.
  3. Kos Kesihatan yg terkawal dan
  4. Rumah mampu milik dgn kadar faedah rendah utk warga B40
  5. Sistem Persaraan Mampu Hidup pada usia emas.
- Namun selepas 1 tahun dan 4 bulan TIDAK ADA perubahan. Kerajaan ini perlu membawa perubahan dengan kadar segera dlm Bajet ini. Jangan buat polisi yg tak berguna utk rakyat.

**Mohamad Syukri Bin Mustaffa**  
Masa tak cukup..harap adakan sesi ini sekali lagi..kali ni buat masa cuti..boleh kami bagi padangan lagi.



**Phar Kaw Ex Smsa**  
Peningkatan usia persaraan drpd 60-65 akan memanfaatkan pesara, seperti perubatan dan perbelanjaan lain, sekarang ni, kos sara hidup meningkat dan terus meningkat



**Sazali Alias**  
Pendapat sy GST ader lah cukai yang telus ia dapat menpung alaun alaun pejawat awan dan perbelanjaan kerajaan



**Aypol Ler**  
Gaji minima perlu ditingkatkan



**Sethupathy Thiagarajan**  
Dalam bajet 2020, adakah kerajaan potong elauan-elaun MP?



**Kalai Selvan**  
Gaji minimum perlu ditekankan. Kurangkan SST. Elaun sara hidup yang dibayar segera kepada kumpulan B40 dan M40. Kurangkan kos perubatan.

